

## Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030



NIMP 2030 mendorong perubahan terhadap pola pemikiran usahawan PKS. (Foto hiasan)

# ‘Pembiayaan subsidi beri sokongan lebih baik kepada PKS’

Langkah jadikan usahawan lebih berdikari, berdaya saing

**Kuala Lumpur:** Malaysia perlu beralih daripada pendekatan berasaskan geran yang memanfaatkan sekumpulan kecil peniaga, kepada pembiayaan bersubsidi agar memberikan sokongan yang lebih baik kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan mendorong perubahan terhadap pola pemikiran PKS.

Menurut Presiden Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SAMENTA), Datuk William Ng, langkah ini penting supaya Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dapat dijayakan.

“Apabila PKS kita menjadi lebih berdikari dan berdaya saing, kadar kegagalan dalam kalangan PKS dapat dikurangkan dan bilangan PKS yang dapat memainkan peranan bermakna dalam rantaian nilai global juga dapat ditingkatkan,” katanya dalam kenyataan susulan pelancaran



NIMP 2030 pada Jumaat.

NIMP 2030, yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, menggunakan pendekatan berasaskan misi untuk memacu transformasi pembuatan dalam empat cara, iaitu kompleksiti ekonomi, menyegerakan pendigitalan, mendorong pelepasan karbon bersih-sifar dan menjamin keselamatan ekonomi dan keberangkuman.

### Rebut peluang

Ng berkata, memandangkan fokus NIMP 2030 kepada PKS, usahawan PKS perlu tangkas merebut peluang dicadangkan dalam pelan induk itu antaranya peralihan daripada mentaliti ‘Buatan Malaysia’ kepada ‘Inovasi Malaysia.’

“PKS sewajarnya tidak lagi mengehendakkan peluang untuk men-

jadi pengeluar barangan (OEM), sebaliknya perlu meningkatkan rantaian nilai untuk tampil sebagai pengeluar reka bentuk (ODM) dan pemilik jenama (OBM).

“Ini bermakna PKS kita perlu beralih daripada sebagai pembekal kepada pemilik jenama global dan bekerjasama dengan penggiat global itu untuk menyediakan reka bentuk dan penyelidikan dan pembangunan, serta membangunkan jenama sendiri,” katanya.

Beliau berkata, sehubungan itu, PKS perlu mengeratkan lagi hubungan dengan negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Vietnam dengan kerja yang lebih berintensifkan buruh boleh dilakukan.

Katanya, pada masa sama, PKS perlu men-

dalam perjanjian perdagangan pelbagai hala seperti Perjanjian Komprehensif dan Progresif untuk Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) untuk memanfaatkan peluang rantaian nilai global yang lebih baik. BERNAMA



William Ng